

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

1. Pada mesyuarat penggal yang lalu, EXCO Pelancongan ada memaklumkan bahawa akan mengembangkan Tourism Pulau Pinang dengan menambahkan lagi beberapa penerbangan terus dari negara China dan India ke Pulau Pinang. Bilakah penambahan penerbangan tersebut akan dilaksanakan?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *Penang Global Tourism* (PGT) dan *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB) sedang giat berunding dengan beberapa syarikat penerbangan antarabangsa bagi membuka laluan baharu serta menambah kekerapan penerbangan terus ke Pulau Pinang sebagai langkah strategik memperkukuh hubungan udara, merencanakan kedatangan pelancong dan menyokong pertumbuhan ekonomi negeri. Untuk tahun 2025, laluan penerbangan baharu yang telah direalisasikan dari China ialah Chengdu oleh *Sichuan Airlines*, yang mula beroperasi pada April 2025.

Selain itu, beberapa laluan sedia ada turut mencatatkan penambahan kekerapan penerbangan dari China antaranya Guangzhou oleh *China Southern Airlines* (14 kali seminggu), Xiamen oleh *Xiamen Airlines* (7 kali seminggu), Shanghai oleh *Juneyao Airlines* (7 kali seminggu), Hong Kong oleh *Hong Kong Express* (14 kali seminggu) serta Chengdu oleh *Sichuan Airlines* (7 kali seminggu).

Selain penerbangan berjadual di atas, penerbangan *chartered flight* juga terbang ke bandar Kunming, Chongqing, Xian dan Haikou.

Pada masa yang sama, selain destinasi ke Chennai yang dilancarkan pada Disember 2024, pihak PCEB kini sedang berunding dengan *IndiGo Airlines* bagi menambah penerbangan terus dari destinasi lain di India ke Pulau Pinang. Perbincangan ini sedang dijalankan dengan mengambil kira kelulusan pihak berkuasa penerbangan serta rundingan komersial antara syarikat penerbangan dan lapangan terbang terlibat.

Usaha-usaha ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperluas ketersambungan udara antarabangsa (international air connectivity) yang akan memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan dan perniagaan utama di rantau ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

2. Masalah kawasan tanah yang dirizabkan untuk pembangunan surau dan rumah ibadat di dalam kawasan perumahan. Bolehkah pihak Kerajaan Negeri meletakkan syarat wajib kepada pemaju supaya memaklumkan terlebih awal kepada pembeli di mana lokasi kawasan yang akan dirizabkan untuk pembangunan tersebut?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengenakan syarat-syarat pembangunan kepada pemaju dalam cadangan kemajuan kawasan pembangunan skim perumahan termasuklah penyediaan kemudahan awam seperti surau dan rumah ibadat berdasarkan garis panduan PBT dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang sedang berkuat kuasa.

Peletakan lokasi surau dan rumah ibadat akan ditunjuk dan dicatat dengan jelas dalam Pelan Kebenaran Merancang (PKM) yang telah diluluskan oleh PBT. Oleh yang demikian, mana-mana pembeli yang ingin membeli hartanah dalam sesuatu pembangunan skim perumahan, boleh memohon supaya pemaju menunjukkan PKM yang telah diluluskan oleh PBT bagi melihat lokasi tapak surau dan rumah ibadat secara tepat dan jelas. Selain itu, pihak pembeli hartanah juga boleh datang ke pejabat PBT berkenaan untuk memohon bagi melihat lokasi tapak surau dan rumah ibadat yang telah diluluskan dalam PKM.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

3. Masalah hentian bas yang kotor dan tidak diselenggara dengan baik. Apakah langkah yang diambil oleh pihak yang berkenaan bagi memastikan hentian bas berada dalam keadaan yang bersih, tidak rosak dan selesa untuk pengguna?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan hentian bas berada dalam keadaan yang bersih, tidak rosak dan selesa untuk pengguna adalah seperti berikut:
 - (i) Memastikan syarikat kontraktor pembersihan yang dilantik oleh PBT melaksanakan skop tugas perkhidmatan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu seminggu sekali bagi skop pembersihan pondok bas dan sebulan sekali bagi skop pencucian pondok bas;
 - (ii) Memastikan penyelia di lapangan menjalankan kerja-kerja pemantauan secara berkala agar syarikat kontraktor pembersihan mematuhi skop tugas perkhidmatan yang telah ditetapkan; dan
 - (iii) Menguatkuasakan syarat kontrak dengan mengeluarkan surat teguran dan denda sebagai penalti kepada syarikat kontraktor pembersihan yang tidak mematuhi skop tugas perkhidmatan yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

4. Apakah cara atau cadangan untuk pihak JKR meneliti semula struktur jalan yang beralun, bengkok-bengkok dan tidak rata di jalan-jalan yang berisiko tinggi kemalangan seperti jalan Pekan Darat ke Sg Lokan yang acapkali berlaku kemalangan sehingga meragut nyawa?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Antara kaedah yang digunakan oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) untuk meneliti semula struktur jalan-jalan yang beralun, bengkok-bengkok dan tidak rata adalah seperti berikut:-
 - (a) Kajian kejuruteraan geoteknik dan struktur jalan yang merangkumi ujian pesongan berat jatuh (*falling weight deflectometer test*), ujian ketebalan lapisan turapan (*coring test*) dan ujian galas tanah (*soil bearing test*) akan dilaksanakan untuk menilai keadaan asas tanah dan lapisan turapan. Ujian-ujian ini akan mengenal pasti punca sebenar jalan beralun atau mendap yang boleh disebabkan oleh kelemahan struktur asas tanah, saluran bawah tanah tidak berfungsi atau kitaran beban berat daripada kenderaan berat;
 - (b) Kajian geometri jalan untuk menilai semula keadaan geometri jalan termasuk jejari selekoh, kecondongan (*superelevation*) dan lebar lorong. Sekiranya jejari selekoh terlalu kecil, JKRPP boleh mempertimbangkan kaedah pelarasan selekoh (*curve realignment*) atau pelebaran bahu jalan; dan

- (c) Pemeriksaan dan penilaian permukaan jalan (*pavement condition survey*) menggunakan alat pemantauan digital seperti pengimbas jalan (*road scanner*) untuk mengukur indeks kekasaran jalan (*roughness index*), kedalaman lekukan (*rutting depth*) dan keretakan turapan. Data-data ini akan membantu JKRPP dalam menentukan lokasi kritikal yang perlu diselenggara atau diturap semula.

Kaedah-kaedah ini akan membantu JKRPP dalam mengenal pasti jalan-jalan yang berisiko tinggi kepada pengguna dan melaksanakan tindakan pembaikan yang sewajarnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

5. Gelandangan yang bermasalah.

- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri ingin menyelesaikan masalah gelandangan yang bermasalah di bawah pengaruh dadah sekali gus mental?
- (b) Pihak mana yang akan bertanggungjawab dan menempatkan mereka?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. (a) Isu gelandangan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah atau masalah kesihatan mental ditangani melalui rujukan dan tindakan oleh agensi berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak mempunyai kuasa untuk mengendalikan kes penagihan dadah atau masalah mental secara langsung. Namun, JKJ menjalankan operasi menyelamatkan bersama agensi berkaitan bagi mengenal pasti tahap masalah mereka.

Individu yang disahkan bergantung kepada bahan terlarang akan dirujuk kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk program pemulihan di bawah undang-undang berkaitan, manakala individu yang mengalami masalah mental akan dirujuk ke hospital kerajaan untuk pemeriksaan, rawatan, dan penilaian pakar.

Selepas selesai rawatan, JKM akan membantu dalam pemulihan sosial termasuk penempatan sementara, kaunseling dan sokongan intervensi agar mereka boleh kembali berfungsi dalam masyarakat.

Kerajaan Negeri sedang memperkemas SOP penyelamatan gelandangan melalui perbincangan meja bulat bersama JKM, AADK, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan bagi menyelaraskan intervensi untuk gelandangan yang terjebak dadah dan berdepan isu kesihatan mental. Kerjasama strategik dengan ahli akademik USM turut membantu merangka penyelesaian berasaskan kajian lapangan bagi memperbaiki pengurusan kes dan rujukan rawatan. Dengan penyelarasan antara agensi teknikal dan pendekatan bersepadu, usaha ini dijangka meningkatkan keberkesanan intervensi dan mengurangkan risiko gelandangan di sekitar Pulau Pinang.

- (b) Bagi gelandangan bermasalah dadah, AADK bertanggungjawab melaksanakan program pemulihan di bawah akta berkaitan.

Bagi gelandangan bermasalah mental, mereka akan dirujuk ke Jabatan Kecemasan hospital kerajaan untuk penilaian dan rawatan; penempatan lanjut ditentukan berdasarkan penilaian hospital dan proses rujukan.

Di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183), JKM bertanggungjawab mengambil dan memulihkan orang papa (pengemis dan peleser), namun kategori seperti penagih dadah, disyaki berpenyakit mental, ketagihan alkohol, masalah kesihatan kronik/berjangkit dan bukan warganegara tidak berada dalam skop tindakan JKM.

Bagi pesakit gelandangan yang dirawat di hospital, pihak hospital akan berhubung dengan JPN bagi mencari waris. Jika tiada waris, JKM akan menentukan penempatan yang sesuai. Bagi kes bukan warganegara, pihak polis & jabatan Imigresen akan dihubungi untuk tindakan lanjut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

6. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal dan mengatasi penularan wabak virus influenza yang semakin berleluasa di Pulau Pinang terutama di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti sekolah dan pasar raya?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Jangkitan Influenza merupakan penyakit yang tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] melainkan berlakunya wabak influenza. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) senantiasa memantau jangkitan influenza melalui surveilans di klinik sentinel seluruh negeri Pulau Pinang.

Sebagai usaha membendung jangkitan influenza, JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan sesi "*Townhall Meeting*" bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
- (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;

- (iii) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;
- (iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan
- (v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* Di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di institusi Pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan Kenyataan Media berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

Bagi penularan influenza di pasar raya seluruh negeri Pulau Pinang, Cawangan Promosi Kesihatan JKNPP telah menjalankan hebahan tentang jangkitan influenza di pusat membeli-belah, pasar, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang jangkitan influenza dan cara-cara mencegah mendapat jangkitan. Hebahan melalui media sosial juga dilakukan melalui Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

Selain daripada itu, program imunisasi pemberian vaksin influenza percuma kepada warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik telah dilancarkan pada awal tahun ini dan dilaksanakan di 24 klinik kesihatan di seluruh negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah untuk mengelakkan komplikasi bagi melindungi golongan berisiko tinggi antaranya pesakit diabetes, jantung, hipertensi, obesiti (BMI melebihi 30) dan buah pinggang kronik

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

7. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah isu kesihatan di Pulau Pinang yang dilihat berlaku peningkatan penduduk obesiti dan penyakit diabetes?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Masalah obesiti dan diabetes di Pulau Pinang kini menjadi isu kesihatan awam yang serius. Statistik kebangsaan menunjukkan kadar obesiti di negeri ini melebihi purata negara, manakala jumlah pesakit diabetes semakin meningkat setiap tahun. Fenomena ini berpunca daripada gaya hidup tidak aktif, pemakanan tidak seimbang serta pengambilan gula dan lemak yang berlebihan.

Antara inisiatif yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi mengurangkan kadar obesiti dan diabetes di negeri ini adalah seperti berikut:

- (a) Meningkatkan program pencegahan dan pengesanan awal penyakit seperti memperluaskan program saringan kesihatan percuma di klinik kesihatan, sekolah dan tempat kerja bagi mengesan awal tanda-tanda obesiti dan diabetes;
- (b) Melaksanakan kempen pendidikan kesihatan yang berterusan seperti "Penang Sihat 2030". Pelbagai bahan pendidikan seperti poster, media sosial dan bengkel komuniti digunakan untuk menarik minat pelbagai golongan masyarakat;

- (c) Memperkukuh kerjasama dengan pihak sekolah dan majikan. JKNPP sentiasa melatih guru serta pengendali kantin tentang penyediaan makanan sihat dan aktiviti fizikal pelajar. Di tempat kerja pula, JKNPP telah memperkenalkan program "*Workplace Wellness*" yang menekankan pemeriksaan kesihatan berkala dan aktiviti senaman ringan untuk pekerja; dan
- (d) Menubuhkan Pusat Kesejahteraan Komuniti (*Wellness Hub*) di setiap daerah. Pusat ini boleh menawarkan khidmat kaunseling diet, senaman, pemantauan berat badan serta pendidikan pengurusan diabetes.

Kerajaan Negeri juga turut menyediakan sejumlah peruntukan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kesihatan bagi membantu mana-mana persatuan atau pertubuhan kesihatan dalam menganjurkan program kesihatan terutamanya bagi membantu masyarakat berkaitan diet dan obesiti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

8. Difahamkan pelbagai usaha diambil oleh pihak MBSP untuk memperluaskan sistem kitar semula dan salah satunya MBSP telah memperkenalkan Program 'Seorang Ahli Majlis, Satu Pusat Kitar Semula'. Berapa peratuskah keberkesanan program tersebut kepada masyarakat?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan Program "Seorang Ahli Majlis, Satu Pusat Kitar Semula" yang melibatkan seramai 24 orang Ahli Majlis dengan 100 peratus penglibatan dan pencapaian pada 21 Disember 2024. Sejumlah 28 set sangkar/tong kitar semula telah disediakan di 28 buah lokasi pada tahun 2024 dan bilangan ini telah meningkat kepada 53 set sangkar/tong kitar semula disediakan di 53 buah lokasi pada tahun 2025.

Tuntasnya, penyediaan keseluruhan 81 set sangkar/tong kitar semula di 81 buah lokasi di kawasan Seberang Perai telah memberi manfaat yang besar kepada masyarakat setempat. Pusat-pusat kitar semula yang diwujudkan tersebut beroperasi dengan baik serta digunakan secara optimum oleh penduduk bagi menyahut seruan pengasingan sisa di punca dan mengamalkan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

9. Tahun hadapan merupakan tahun penting terutama dalam sektor pelancongan. Apakah persediaan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyahut seruan kerajaan dan menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026 khususnya di Negeri Pulau Pinang?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Tahun 2026 bakal menjadi tahun penting bagi sektor pelancongan negara menerusi pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026), dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka pelan persiapan menyeluruh bagi memastikan penyertaan negeri ini memberi impak maksimum kepada ekonomi dan imej pelancongan negara. Antara tumpuan utama ialah pelancaran produk dan pengalaman pelancongan baharu yang menonjolkan keunikan negeri, termasuk inisiatif "Beyond George Town" yang memperluas fokus pelancongan ke kawasan kurang diterokai seperti Seberang Perai melalui pakej agro-pelancongan, pelancongan sungai dan pengukuhan pelancongan makanan (*food tourism*). Antara tarikan yang bakal diketengahkan termasuk jelajah kulinari di Bukit Mertajam, Kepala Batas dan Nibong Tebal, yang menampilkan makanan tradisional, hasil tani segar dan pengalaman autentik masyarakat luar bandar. Pada masa sama, elemen pelancongan berasaskan alam dan kelestarian turut diperkukuh melalui aktiviti seperti pemuliharaan penyu di Pantai Kerachut, jelajah hutan paya bakau, serta pelancongan pertanian.

Selain itu, Pulau Pinang turut memberi tumpuan kepada pembangunan pelancongan kreatif dan *living heritage* dengan

memperkenalkan bengkel masakan tradisi, kelas kraftangan serta pengalaman seni komuniti tempatan. Dari segi promosi, kempen berskala global akan digerakkan melalui strategi digital, kerjasama dengan *influencer* antarabangsa serta syarikat penerbangan dan agensi pelancongan dalam talian (OTA) bagi menawarkan pakej promosi eksklusif sempena VM2026. Langkah ini disokong oleh pembangunan sistem maklumat masa nyata untuk memantau aliran pelancong dan mengurus tapak warisan secara mampan, di samping memperluas kempen pelancongan hijau, pengurangan plastik, pemuliharaan warisan dan penggunaan produk tempatan.

Dalam masa yang sama, Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB) akan melancarkan kempen promosi khas bagi segmen pelancongan perniagaan sempena VM2026 yang akan dirasmikan pada 24 November 2025. Bertemakan *Penang Inspiring Meetings*, kempen ini memberi tumpuan kepada acara berskala kecil dalam segmen pameran (*exhibition*) dan membuka pasaran baharu seperti Korea melalui acara bertemakan *K-Beauty*, *K-Medic* dan *K-Entertainment*. Keseluruhannya, usaha ini dilaksanakan selaras dengan strategi nasional VM2026 dan disokong oleh peningkatan laluan penerbangan terus ke Pulau Pinang sepanjang tahun 2023 hingga 2025 serta penyertaan aktif Penang Global Tourism (PGT) dalam siri jerayawara antarabangsa sepanjang tahun 2025. Melalui pelaksanaan strategik dan kolaboratif ini, Pulau Pinang bukan sahaja beraspirasi menarik lebih ramai pelancong, tetapi juga memastikan pengalaman mereka di negeri ini kekal bermakna, lestari dan bertaraf dunia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

10. Berapakah kos atau bajet yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sektor pelancongan di Pulau Pinang bagi tahun 2026 yang dilihat amat penting untuk ekonomi?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM8,720,500.00 kepada Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pelancongan yang turut meliputi Ekonomi Kreatif pada tahun 2025. Selain daripada geran kepada Penang Global Tourism Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti promosi pelancongan negeri, peruntukan tersebut juga digunakan bagi membiayai program dan aktiviti pelancongan negeri seperti Georgetown Festival, Pesta Perahu Antarabangsa Pulau Pinang, pengoperasian Penang Philharmonic dan lain-lain program pelancongan yang telah dirancang sepanjang tahun 2025. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan tahun 2025 berjumlah RM3,481,200.00 kepada Penang International Convention and Exhibition Bureau (PICEB) bagi mempromosi Pulau Pinang sebagai hub konvensyen dan pameran bertaraf antarabangsa, sekaligus menggalakkan kedatangan pelancong.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM6.5juta iaitu sebahagian daripada pemberian cukai pelancongan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan untuk digunakan bagi tujuan penganjuran dan sokongan program-program pelancongan, kebudayaan, kesenian dan warisan.

Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri bercadang meneruskan penyaluran peruntukan seperti tahun 2025 dengan mengambil kira kepentingan sektor pelancongan kepada Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

11. Berapa peratuskah keberkesanan positif daripada kempen yang dilaksanakan oleh Penang Tourism iaitu 'Pulau Pinang Yang Berlainan' (Not The Penang You Know) yang lalu?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Kempen "Pulau Pinang Yang Berlainan" (Not The Penang You Know) telah mendapat sambutan positif di peringkat antarabangsa, terutamanya di pasaran utama seperti China, Taiwan, Indonesia, Thailand, Eropah, Asia Barat dan Singapura, yang membantu memperkukuh imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pelbagai dan dinamik. Melalui jelajah promosi antarabangsa (roadshows) yang dijalankan oleh Penang Global Tourism (PGT) di negara-negara berkenaan, kempen ini berjaya memperkenalkan pelbagai segmen pelancongan baharu termasuk pelancongan kapal persiaran, perubatan, pendidikan dan perkahwinan, serta menerima liputan positif daripada media luar negara.

Hasilnya, jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Pulau Pinang menunjukkan peningkatan yang ketara, menandakan keberkesanan kempen ini dalam memperkukuh jenama pelancongan negeri di peringkat global. Berdasarkan data ketibaan pelancong antarabangsa melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang menunjukkan peningkatan positif bagi tempoh Januari hingga September 2025 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024. Berdasarkan sepuluh (10) negara dengan bilangan ketibaan tertinggi, pelancong dari China mencatat peningkatan paling ketara sebanyak 90.24%, daripada 84,947 kepada 161,599 ketibaan, selari

dengan penambahan laluan penerbangan terus. Ini diikuti oleh pelancong dari India mencatat peningkatan memberangsangkan sebanyak 138.61% daripada 7956 kepada 18984 ketibaan. Manakala ketibaan dari Jepun turut memperlihatkan peningkatan signifikan sebanyak 21.60%, diikuti Australia (21.15%), United Kingdom (12.86%), USA (11.84%), Thailand (5.95%), Indonesia (2.46%), dan Taiwan (2.26%).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

12. Difahamkan pihak LKIM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM37,000.00 bagi kerja-kerja baik pulih bumbung jeti yang rosak di Jeti Nelayan Sungai Abdul. Bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. LKIM telah selesai melaksanakan kerja-kerja baik pulih bumbung jeti dan kerja-kerja elektrik di Jeti Nelayan Sungai Abdul pada 17 Julai 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

13. Pihak Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pelepasan benih ikan / udang ke perairan darat dan kerang ke perairan laut Pulau Pinang. Apakah bentuk keselamatan yang digunakan untuk memastikan benih-benih tersebut membiak dan mencapai *target* yang ditetapkan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM350,000.00 pada tahun 2024 dan RM880,000.00 pada tahun 2025 bagi projek pelepasan benih ikan/ udang/ kerang ke perairan umum sebagai inisiatif untuk meningkatkan hasil nelayan.

Bagi memastikan benih-benih tersebut membiak dan mencapai *target* yang telah ditetapkan, Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai langkah seperti yang berikut:

- (i) Saiz Pelepasan Yang Optimum

DOF dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung telah meneliti dan mencadangkan saiz benih yang sesuai untuk pelepasan. Saiz yang bersesuaian ini adalah penting bagi memastikan benih sudah cukup kuat dan mempunyai daya tahan yang lebih tinggi untuk menghadapi cabaran persekitaran semula jadi

seperti pemangsa dan perubahan kualiti air dan turut dapat meningkatkan kadar kemandirian;

(ii) Pemilihan Kawasan Pelepasan Yang Spesifik

Pihak DOF Negeri Pulau Pinang telah melepaskan ikan dan benih udang di kawasan habitat semula jadi untuk benih membiak. Habitat yang sesuai dapat menyediakan sumber makanan, tempat perlindungan dan kondisi persekitaran yang optimum untuk pertumbuhan, pembiakan dan kelangsungan hidup benih bagi jangka panjang. Selain itu, pemilihan kawasan yang strategik juga penting agar kurang terdedah kepada pemangsa;

(iii) Pelepasan Secara Rahsia dengan Pengawalan

Bagi tujuan promosi dan penglibatan YB EXCO, pelepasan dibuat dalam skala kecil dan tidak melibatkan pelepasan benih dalam kuantiti yang banyak. Pelepasan sebenar dilakukan oleh pihak DOF dengan pemilihan lokasi yang tidak diketahui oleh orang awam serta melibatkan semua benih. Ini bagi menjaga kerahsiaan lokasi pelepasan benih untuk mengelakkan benih ikan yang telah dilepaskan oleh pihak DOF ditangkap oleh nelayan atau orang awam selepas program dijalankan. Sebagai contoh, benih kerang ditabur secara rahsia pada waktu malam dengan bantuan kapal penyelidik DOF Negeri Pulau Pinang dan sesi pelepasan ini dikawal oleh jabatan/ agensi penguatkuasa yang terlibat.

Pelepasan secara rahsia ini dilakukan sebagai langkah proaktif untuk mengelakkan gangguan manusia dan menghalang nelayan daripada menangkap benih tersebut sejurus selepas dilepaskan sebelum sempat benih membesar dan membiak. Selain itu, ia bagi memastikan keberkesanan program dan melindungi pelaburan kerajaan serta meningkatkan peluang benih untuk matang dan membiak dengan aman; dan

(iv) Kaedah Penilaian Impak Program Pelepasan Benih

Bagi menilai kejayaan dan impak program ini, DOF Negeri Pulau Pinang telah menggunakan pendekatan yang komprehensif seperti yang berikut:

1) Kajian Maklum Balas Nelayan/Pemancing

Meninjau hasil tangkapan nelayan dan pemancing untuk melihat sama ada terdapat peningkatan dalam hasil tangkapan spesies sasaran. Maklumat ini memberikan data praktikal secara langsung dari pengguna sumber yang paling aktif selain membantu mengesahkan keberkesanan program dari perspektif komuniti nelayan/pemancing;

2) Analisis Data Statistik Pendaratan Ikan

DOF Negeri Pulau Pinang mengumpul dan menganalisis data rasmi pendaratan ikan di jeti-jeti nelayan. Data ini memberikan ukuran kuantitatif dan objektif tentang *trend* populasi ikan. Peningkatan angka pendaratan untuk spesies yang dilepaskan adalah petanda benih tersebut dapat meneruskan kelangsungan hidup di persekitaran semula jadi; dan

3) Kajian Inventori dan Stok

Menjalankan kajian saintifik secara langsung di sungai atau kawasan tertentu untuk menganggarkan jumlah dan kepelbagaian ikan. Kaedah ini memberikan gambaran yang paling tepat tentang status populasi dan kesihatan ekosistem akuatik di suatu lokasi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

14. Sektor pertanian.

- (a) Apakah jenis pertanian yang banyak dipromosikan di Pulau Pinang khususnya di kawasan luar bandar?
- (b) Bentuk bantuan yang telah disalurkan?
- (c) Nyatakan data dan statistik pertanian di kawasan Telok Air Tawar.

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. (a) Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada pelaksanaan pertanian bandar dan pertanian komuniti di kawasan bandar dan luar bandar. Usaha ini dilakukan dengan kerjasama melalui taman-taman komuniti serta projek pertanian di kawasan perumahan, sekolah dan institusi awam bagi menggalakkan masyarakat menanam sayur-sayuran dan tanaman dapur.

Langkah ini bukan sahaja dapat menyediakan sumber makanan yang berterusan serta menjimatkan perbelanjaan isi rumah malah berperanan dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan sekuriti makanan dan kelestarian sumber.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menggalakkan pembangunan semula tanah terbiar melalui pengenalpastian

tanaman yang bersesuaian dengan lokasi, jenis tanah dan keupayaan peserta. Pendekatan ini bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan tanah pertanian, meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar serta memperkukuh rantaian pengeluaran makanan tempatan.

- (b) Kerajaan menyediakan bantuan bahan-bahan meliputi input pertanian seperti benih dan baja, perolehan peralatan pertanian serta kawasan/ kursus/ bengkel/ seminar kepada komuniti untuk menggalakkan pertanian bandar.
- (c) Data dan statistik pertanian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Air Tawar adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

**DATA DAN STATISTIK PERTANIAN DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (KADUN)
TELUK AIR TAWAR**

Peruntukan yang telah disalurkan dari tahun 2023 sehingga 2025

KAWASAN	BANTUAN YANG DIBERIKAN	TANAMAN	TAHUN	JUMLAH (RM)
Teluk Air Tawar	Input Pertanian dan Set Pertanian Komuniti	Padi dan Pertanian Komuniti	2023	32,165.00
	Input Pertanian, Jentera Kecil Pertanian dan Nurseri	Padi dan Nurseri	2024	42,159.00
	Input Pertanian dan Set Lengkap Hidroponik <i>Nutrient Film Technique</i> (NFT)	Padi dan Pertanian Komuniti	2025	23,751.00
Permatang Binjai	Input Pertanian	Padi	2023	2,140.00
	Input Pertanian	Padi	2024	1,994.00
	Input Pertanian	Padi	2025	1,751.00

KAWASAN	BANTUAN YANG DIBERIKAN	TANAMAN	TAHUN	JUMLAH (RM)
Permatang Panjang	Input Pertanian	Padi	2023	2,140.00
	Input Pertanian	Padi	2024	1,994.00
	Input Pertanian	Padi	2025	1,751.00
	Input Pertanian	Padi	2023	2,165.00
Permatang Tok Gelam	Input Pertanian dan Naik Taraf Pusat Informasi Tani	Padi dan Pusat Informasi Tani	2024	16,994.00
	Input Pertanian	Padi	2025	1,751.00
JUMLAH KESELURUHAN				130,755.00

Pengeluaran hasil tanaman padi pada tahun 2025

KAWASAN TANAMAN PADI	TAHUN	KELUASAN (hektar)	PENGELUARAN HASIL (tan metrik/hektar)	PENGELUARAN HASIL (tan metrik)
Teluk Air Tawar	2023	84.80	5.2	881.92
	2024	74.04	5.2	770.02
	2025	74.04	5.3	784.82
Permatang Binjai	2023	95.48	5.3	1,012.09
	2024	95.48	5.3	1,012.09
	2025	95.48	5.3	1,012.09
Permatang Tok Gelam	2023	87.34	5.1	890.87
	2024	87.34	5.1	890.87
	2025	87.34	5.3	925.80
Permatang Panjang	2023	65.30	5.1	666.06
	2024	65.30	5.2	679.12
	2025	65.30	5.4	705.24
JUMLAH KESELURUHAN		977.24	62.8	10,230.99

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

15. Apakah langkah penambahbaikan yang dirancang untuk mengelakkan risiko banjir yang akan menjejaskan hasil pertanian di kawasan Telok Air Tawar dan nyatakan status sistem saliran pertanian dan pengairan di kawasan tersebut?

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan Teluk Air Tawar khususnya di kawasan pertanian, pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang telah menambah bilangan *Drainage Outlet* (DO) di lokasi yang ditetapkan. DO ini berfungsi bagi mempercepatkan proses pembuangan air daripada sawah padi, membantu kerja-kerja pembersihan serta pengorekan parit serta menaik taraf struktur bekalan dan parit agar risiko banjir dapat dikurangkan.

Selain itu, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala untuk sistem pengairan pertanian di tali air sebanyak empat (4) kali setahun dan penyelenggaraan di sungai sebanyak lima (5) kali setahun.

Sehingga kini, status sistem pengairan dan saliran di kawasan pertanian di kawasan Teluk Air Tawar berada dalam keadaan yang baik. Semua jabatan/agensi yang berkaitan sentiasa komited untuk memastikan semua struktur pengairan dinaik taraf supaya ia dapat berfungsi dengan optimum agar hasil tanaman di negeri ini dapat dipertingkatkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

16. Mengapa pihak Kerajaan Negeri tidak mahu mengadakan program di kawasan ADUN Pembangkang bersama ADUN Pembangkang, hanya mengadakan program bersama Penyelaras KADUN sahaja?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan program untuk manfaat rakyat tanpa mengira kawasan, namun pelaksanaannya perlu selaras dengan visi dan agenda pembangunan negeri seperti Visi Penang2030, Malaysia MADANI dan Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang (APAI2030).

Oleh itu, program dilaksanakan bersama agensi dan penyelaras KADUN yang berkongsi matlamat dan dasar selaras dengan hala tuju kerajaan. Pendekatan ini memastikan setiap program yang dijalankan dapat menyampaikan mesej, dasar dan aspirasi kerajaan secara berkesan kepada rakyat.

Sebaliknya, ADUN pembangkang tidak membawa agenda yang seiring dengan dasar kerajaan negeri, maka pelaksanaan program bersama penyelaras KADUN lebih sesuai bagi memastikan kesinambungan dasar dan kejayaan pelan pembangunan negeri dapat dicapai. Contohnya di parlimen, Ketua Pembangkang termasuk Ahli Parlimen Permatang Pauh menolak projek pembinaan LRT dengan alasan projek tersebut bukan keperluan atau keutamaan rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

17. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf kemudahan pengangkutan awam ke destinasi pelancongan terutama di kawasan inap desa dan pedalaman?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam usaha memperkukuh dan menaik taraf sistem pengangkutan awam bagi menyokong pembangunan sektor pelancongan, khususnya di kawasan luar bandar, pedalaman, dan lokasi inap desa yang semakin mendapat perhatian pelancong tempatan dan antarabangsa.

Antara langkah dan perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) **Peningkatan Akses Infrastruktur Jalan ke Kawasan Pelancongan**

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) giat melaksanakan projek menaik taraf dan menyelenggara jalan-jalan utama serta jalan penghubung ke kawasan pelancongan desa seperti Balik Pulau, Teluk Bahang, dan Kampung Mengkuang Titi. Langkah ini bertujuan memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna, termasuk pelancong.

(b) Perluasan Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Dalam kerjasama dengan Rapid Penang dan agensi pelancongan negeri, laluan baharu untuk perkhidmatan *Rapid On Demand* (ROD) oleh Pihak Rapid Penang juga akan turut meliputi kawasan-kawasan inap desa dan tarikan pelancongan utama agar dapat menghubungkan kawasan pelancongan utama ini dengan hab pengangkutan seperti terminal bas dan feri.

Melalui pelaksanaan langkah-langkah ini, Kerajaan Negeri yakin kemudahan pengangkutan awam ke destinasi pelancongan di kawasan inap desa dan pedalaman akan terus bertambah baik, sekaligus menyokong pertumbuhan ekonomi setempat serta menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang inklusif dan mampan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

18. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengatasi masalah persaingan Negeri Pulau Pinang dengan negara jiran seperti Singapura di dalam sektor pelancongan kesihatan?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Pulau Pinang mempunyai infrastruktur kesihatan sedia ada yang telah mencapai piawaian antarabangsa. Pulau Pinang memiliki rangkaian hospital swasta bertaraf dunia yang dilengkapi teknologi perubatan moden seperti sistem pembedahan robotik, MRI, CT Scan, serta pusat kardiologi, onkologi dan ortopedik yang setanding dengan kemudahan di Singapura. Tambahan pula, kemudahan penginapan mewah berhampiran hospital utama tersedia pada kos yang lebih berpatutan, menjadikan Pulau Pinang pilihan utama bagi pelancong kesihatan antarabangsa.

Infrastruktur digital yang canggih turut menyokong pelaksanaan teleperubatan dan pengurusan rekod perubatan elektronik, menjadikan pengalaman rawatan lebih efisien dan mesra pengguna. Melalui *Penang Centre of Medical Tourism (PMED)* di bawah Penang Global Tourism, Kerajaan Negeri telah memperkukuh kerjasama strategik dengan syarikat penerbangan seperti AirAsia menerusi inisiatif "*Boarding Pass Programme*", yang menawarkan pakej perubatan eksklusif, diskaun khas dan tempahan terus kepada penumpang. Usaha ini bukan sahaja memperluaskan akses pasaran tetapi turut mempromosikan imej Pulau Pinang sebagai destinasi rawatan

bertaraf antarabangsa setanding dengan Singapura tetapi pada kadar lebih kompetitif, serta menawarkan persekitaran pemulihan yang tenang dan menyeluruh.

Dari sudut promosi antarabangsa, Pulau Pinang terus giat memperkenalkan potensi pelancongan kesihatan melalui siri jelajah promosi ke luar negara seperti China, Hong Kong, Indonesia dan Jepun di bawah Penang Global Tourism (PGT). PMED turut menyertai *Malaysia Healthcare Expo* (MHX) di Bandung dan Jakarta bersama *Malaysian Healthcare Travel Council* (MHTC), serta ASEAN Tourism Fair 2023 di Yogyakarta, sebagai langkah memperluas jaringan pasaran serantau. Selain itu, PMED menjalinkan kerjasama dengan institusi perbankan tempatan dan antarabangsa melalui penganjuran ceramah kesihatan serta program lawatan pengenalan (*familiarisation trip*) dan kolaborasi dengan *Key Opinion Leaders* (KOL) bagi memperkenalkan kemudahan serta kepakaran perubatan Pulau Pinang kepada dunia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

19. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Majlis Bandaraya sekiranya peniaga yang sama masih beroperasi perniagaan mereka walaupun telah disita beberapa kali?
- (a) Bagaimanakah cara untuk mengatasi perkara seperti ini daripada terus berlaku?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengambil tindakan tegas selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] dan undang-undang kecil PBT yang sedang berkuat kuasa.

Antara tindakan PBT sekiranya peniaga-peniaga yang telah dikenakan tindakan sitaan berulang kali masih terus mengoperasikan perniagaan mereka adalah seperti berikut:

- (i) Menahan barang, peralatan atau kemudahan yang telah disita daripada dituntut atau digunakan semula oleh pemilik, peniaga atau penjaja mengikut tempoh yang ditetapkan oleh kedua-dua PBT;
- (ii) Melaksanakan tindakan pelucuthakan terhadap barang perniagaan, peralatan dan struktur gerai yang

disita sekiranya peniaga gagal menuntut dalam tempoh yang ditetapkan atau terus mengulangi kesalahan;

- (iii) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan kompaun secara berterusan;
 - (iv) Melaksanakan tindakan pembatalan bagi yang mempunyai lesen perniagaan PBT; dan
 - (v) Melaksanakan operasi bersepadu dengan kerjasama daripada agensi-agensi penguatkuasaan lain bagi mengawal dan membanteras peniaga yang masih melakukan kesalahan yang sama.
- (a) Antara langkah yang diambil untuk mengatasi perkara tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa;
 - (ii) Melaksanakan hebahan pendidikan kepada orang awam berhubung peraturan aktiviti perniagaan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas kesalahan yang dilakukan melalui laman media sosial rasmi PBT;
 - (iii) Melaksanakan program pemutihan penjaja atau program penempatan penjaja di tempat-tempat baharu yang sesuai; dan
 - (iv) Menjalankan kerja-kerja pembangunan landskap secara kekal di kawasan berkenaan bagi mengelakkan ia digunakan semula sebagai tapak aktiviti perniagaan tidak berlesen.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

20. Bagaimanakah langkah dan kekerapan pemantauan diambil oleh penguatkuasa untuk memastikan tahap kebersihan makanan dan tempat niaga di gerai-gerai dan restoran dalam Pulau Pinang?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan sistem penggredan premis makanan berdasarkan Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan di Kawasan PBT oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkuat kuasa pada 27 Januari 2014.

Garis panduan ini adalah sebagai rujukan dan panduan pelaksanaan kepada PBT dalam melaksanakan penilaian, pemantauan dan penggredan premis makanan bagi memastikan tahap kebersihan, keselamatan makanan dan pengurusan premis dijalankan mengikut standard yang ditetapkan.

Selain itu, PBT juga menjalankan pemeriksaan mengikut gred pengiktirafan yang diberikan kepada premis makanan seperti ketetapan berikut:

- (i) Pemeriksaan ulangan akan dijalankan selepas dua (2) tahun ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan bagi premis makanan yang diktirafkan dengan Gred A;

- (ii) Pemeriksaan ulangan akan dijalankan selepas setahun ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan bagi premis makanan yang diktirafkan dengan Gred B; dan
- (iii) Pemeriksaan ulangan akan dijalankan selepas enam (6) bulan ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan bagi premis makanan yang diktirafkan dengan Gred C dan boleh dibatalkan lesen.

Di samping itu, pengendali makanan diwajibkan menghadiri kursus asas pengendali makanan di Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan tifoid. Pengendali makanan juga diwajibkan mempamerkan sijil penarafan dan pengiktirafan tersebut di premis-premis makanan untuk pengetahuan dan makluman orang ramai.

PBT juga akan melaksanakan pemeriksaan susulan secara berkala ke atas premis-premis makanan bagi memastikan pematuhan terhadap syarat kebersihan. PBT juga akan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap premis makanan yang tidak mematuhi kriteria dan peraturan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] dan undang-undang kecil di bawah pentadbiran kedua-dua PBT seperti pengeluaran kompaun, arahan penutupan sementara atau pembatalan lesen perniagaan.

Selain PBT, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) juga menjalankan pemantauan tahap kebersihan secara berterusan ke atas premis-premis makanan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Hasil pemeriksaan tersebut akan direkodkan dalam *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) iaitu satu sistem pangkalan data sistematik yang digunakan di seluruh negara bagi tujuan pengumpulan maklumat pemeriksaan, tindakan penguatkuasaan serta pemantauan keselamatan dan kebersihan makanan. Sistem ini turut membolehkan semakan dan pendaftaran perniagaan berasaskan makanan dilakukan oleh pihak industri atau orang awam seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983 [AKTA 281] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

21. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengatasi masalah Rumah Mampu Milik atau Rumah Pertama berikutan kenaikan harga rumah yang terlalu mahal berbanding dengan pendapatan isi rumah yang sederhana terutama untuk golongan belia?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang sentiasa prihatin dan mengambil langkah proaktif bagi mengatasi cabaran pemilikan rumah pertama khususnya untuk golongan belia berikutan kenaikan harga rumah yang tidak sepadan dengan pendapatan isi rumah sederhana. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) Penawaran Rumah MutiaraKu (RMKu)

Penawaran unit RMCu di Pulau Pinang tidak dihadkan kepada kumpulan umur tertentu. Syarat semasa yang diguna pakai adalah pemohon mestilah berumur 21 tahun dan ke atas. Kategori dan harga rumah di bawah Skim RMCu ini adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis RMKu	Harga (RM)
1	A	42,000.00
2	B1	72,500.00
3	B2	100,000.00
4	C1	150,000.00
5	C2	200,000.00
6	C3	300,000.00
7	D	400,000.00

Langkah ini adalah bagi memastikan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana termasuk golongan belia mampu memiliki rumah sendiri khususnya rumah pertama;

(a) Skim Sewa Beli (Rent to Own – RTO)

Inisiatif ini adalah bagi membantu mereka yang tidak layak mendapat pinjaman perumahan konvensional. Melalui skim ini, penyewa berpeluang memiliki rumah selepas tempoh sewaan tertentu dengan kadar bayaran yang lebih fleksibel; dan

(b) Bantuan Pinjaman Melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)

Kemudahan SJKP disediakan bagi membantu bakal pembeli rumah kali pertama. SJKP telah diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion oleh Kerajaan Persekutuan dengan had pembiayaan yang lebih tinggi, iaitu sehingga RM500,000.00 dengan tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun melalui bank / institusi kewangan utama.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

22. Bagaimanakah dasar perumahan negara diselaraskan dengan usaha pembangunan bandar lestari di negeri ini, memandangkan kekurangan tanah dan kepadatan penduduk terutama di kawasan George Town dan Seberang Perai?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Dasar Perumahan Negara (DRN) merupakan rangka kerja untuk menyediakan rumah yang mencukupi, berkualiti, dan mampu milik kepada rakyat Malaysia. Dasar sedia ada iaitu DRN 2018–2025 adalah bertujuan untuk memudahkan pemilikan rumah dengan mengemas kini dan menambah baik proses pinjaman dan perundangan. Kini, ia sedang dikaji semula untuk disesuaikan dengan keperluan semasa. DRN perlu diselaraskan dengan pembangunan bandar lestari dengan menggalakkan pembinaan rumah mampu milik (RMM) secara menegak (*vertical development*) dan optimum serta meningkatkan penggunaan tanah sedia ada melalui pelaksanaan Projek Pembangunan Semula Bandar (PSB).

DRN ini kemudiannya disusuli dengan Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) iaitu panduan utama kerajaan bagi memastikan pembangunan RMM yang standard, berkualiti, dan harga yang berpatutan. Ia bertujuan untuk mengatasi isu perumahan dengan menetapkan spesifikasi, harga dan garis panduan untuk pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan atau swasta. DRMM ini kemudiannya disesuaikan oleh setiap negeri seperti Rumah Mutiaraku (RMKu), Rumah Selangorku (RSKU) dan

Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) untuk memenuhi keperluan tempatan.

Projek PSB merupakan program pembangunan semula bandar yang memfokuskan kepada perumahan lama yang tidak lagi ekonomik untuk menjadi ruang kediaman atau perniagaan kerana ketiadaan fasiliti atau kemudahan awam yang sempurna seperti sistem retikulasi yang bermasalah dan penggunaan fasiliti yang tidak optimum. Majoriti perumahan lama adalah berkonsepkan *walk-up flat* (tiada lif) yang berkepadatan rendah. Dengan pelaksanaan Projek PSB ini, ia dapat membantu negeri Pulau Pinang khususnya dalam usaha membangunkan Bandar Lestari yang mana Pulau Pinang adalah negeri yang mempunyai kekangan dari segi tanah yang sesuai untuk pembangunan. Projek ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah termasuk Kerjasama Awam–Swasta (PPP) dan sedang diperhalusi melalui cadangan Rang Undang-undang (RUU) PSB yang baru diperkenalkan untuk memastikan pelaksanaan yang lebih adil dan komprehensif.

Tumpuan turut diberikan kepada pembangunan berkonsepkan *Transit-Oriented Development* (TOD) yang menumpukan pembangunan berdensiti tinggi di sekitar jajaran Transit Aliran Ringan (*Light Rail Transit*–LRT) Laluan Mutiara yang telah diluluskan dan sedang dalam peringkat pembinaan. Konsep TOD ini dapat memelihara ruang hijau dan menyediakan kemudahan awam serta pengangkutan awam yang secara keseluruhannya mengurangkan kesan perumahan terhadap alam sekitar dan masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

23. Projek terbengkalai atau dikenali sebagai 'projek sakit' yang memberi kesan kepada penduduk. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri kepada pihak pemaju yang gagal menyiapkan sesuatu projek seperti sekolah mengikut tempoh yang telah ditetapkan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Definisi projek sakit dan projek terbengkalai adalah berbeza. Projek sakit merujuk kepada projek yang mengalami kelewatan kemajuan berbanding jadual asal. Projek dikategorikan sebagai sakit apabila jadual kemajuan projek telah melebihi 20% daripada kemajuan sebenar atau projek-projek yang telah mengalami kelewatan sebanyak 60 hari daripada jadual. Projek terbengkalai pula ialah projek yang kontraknya telah ditamatkan atas faktor-faktor tertentu mengikut syarat kontrak dan terbiar tanpa sebarang kemajuan di tapak.

Bagi projek pembangunan sekolah, ia merupakan projek yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan berada di bawah tanggungjawab kementerian berkaitan. Bagi memastikan pelaksanaan projek Persekutuan di Pulau Pinang berjalan dengan cekap dan berintegriti, Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (ICU JPM) bertindak sebagai penyelarasan utama dengan kerjasama kementerian serta agensi pelaksana di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Pemantauan projek dilaksanakan melalui mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNng) yang

dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, penyediaan laporan kemajuan secara berkala, lawatan tapak, serta pelaporan kepada Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Selain itu, Sistem MyProjek yang dibangunkan oleh ICU JPM digunakan bagi memastikan pelaporan dan pemantauan projek dapat dijalankan secara sistematik, tepat masa dan telus.

Bagi projek yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, tindakan diambil sekiranya berlaku kelewatan atau kegagalan menyiapkan projek mengikut jadual. Antara tindakan tersebut termasuklah pengeluaran surat amaran dan peringatan, serta penamatan kontrak sekiranya kelewatan berterusan, tertakluk kepada syarat-syarat kontrak yang berkuat kuasa.

Pemantauan bagi projek di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Sistem Pemantauan Projek Negeri (SPPN) serta Mesyuarat Pemantauan Prestasi Kewangan dan Fizikal Projek Pembangunan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan). Selain itu, lawatan tapak turut diadakan secara berkala bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan berjalan lancar dan mengikut jadual yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

24. Setelah pelbagai usaha dilakukan oleh pihak JKMP dan pihak sekolah dalam menangani isu jualan makan ringan di sekitar sekolah seperti kempen kesedaran dan lain-lain. Adakah permasalahan ini telah dapat diatasi?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah melaksanakan Pemantauan Bersepadu Sekolah Fasa 1/2025 pada bulan Januari hingga Julai 2025 dengan menitikberatkan pematuhan penjualan makanan di kantin sekolah dan koperasi sekolah. Peratus penyelesaian isu tersebut adalah seperti berikut:
- (a) Sekolah Rendah - 73.3%; dan
 - (b) Sekolah Menengah - 56.0%

Namun begitu, angka ini akan meningkat apabila lawatan susulan dan penambahbaikan telah dibuat serta pemantauan Fasa 2/2025 yang akan berakhir pada Disember 2025.

Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sentiasa mengikuti dengan rapat kempen kesedaran dan advokasi yang dianjurkan oleh Cawangan Pemakanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi memastikan semua murid mengamalkan pemakanan sihat serta mampu membentuk gaya

hidup sihat. Inisiatif ini turut disokong melalui pelaksanaan Pakej Inisiatif Sekolahku Sihat Stail Kita yang akan dijalankan di setiap sekolah di semua daerah mulai November 2025. Antara sekolah yang terlibat pada peringkat awal Inisiatif ini dilancarkan adalah seperti berikut:

- (a) Sekolah Kebangsaan Telok Kumbar;
- (b) Sekolah Kebangsaan To' Bedor;
- (c) Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor;
- (d) Sekolah Kebangsaan Bukit Minyak; dan
- (e) Sekolah Kebangsaan Bandar Tasek Mutiara.

Di samping itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) turut merangka inisiatif bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan penjaja di luar kawasan sekolah agar mematuhi garis panduan penjualan makanan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaras dengan dasar pemakanan sihat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

25. Setiap tahun pesawah padi mengalami masalah yang sama iaitu berhadapan dengan keadaan sawah yang penuh dengan pokok keladi agas. Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi dan mengawal pembiakan pokok keladi agas yang membiak terlalu cepat di sawah padi sehingga merugikan pesawah?

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah melancarkan jawatankuasa *task force* pembendungan, penghapusan dan kawalan keladi agas bermula Mei 2023 bagi mencari solusi kemerebakan rumpai yang mengancam tanaman padi ini. Pada tahun 2023, peruntukan sebanyak RM900,000.00 telah dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Pembangunan Tanaman Padi pada musim 2/2023.

Manakala sebanyak RM400,000.00 telah diperuntukan bagi perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di dua (2) daerah meliputi keluasan 74.4 hektar. Perkhidmatan kawalan keladi agas ini telah menurunkan keluasan infestasi sebanyak 64.15% pada musim 1/2024.

Manakala pada tahun 2025, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah dijalankan sepanjang tahun bagi memberi kesedaran kepada petani untuk melaksanakan kawalan dari peringkat penyediaan tanah (pra-cambah). Sebanyak

enam (6) bendera kuning tanda amaran telah dinaikkan di *point* bancian perosak dan penyakit bagi daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) bertujuan agar petani dapat melaksanakan kawalan segera. Petak demonstrasi penanaman mengikut '*rice check*' juga dilaksanakan di daerah SPU melibatkan keluasan sebanyak 4 hektar bagi musim 2/2025.

Program kesedaran yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- (a) Taklimat Kawalan Rumpai Bagi Keladi Agas dan Sambau pada 21 Julai 2025 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu melibatkan lebih 40 orang ahli dan peserta ladang benih di bawah kendalian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu;
- (b) Program Libat Urus Petak Model Pengurusan Kawalan Rumpai dan *Hands On* Pengumpulan Tikus pada 30 September 2025 di Koperasi Permatang Kuang Berhad;
- (c) Taklimat Pengurusan Rumpai Bagi Tanaman Padi Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 2 Oktober 2025 yang disertai lebih 100 orang peserta dari seluruh Negeri Pulau Pinang;
- (d) Pameran Keladi Agas di Klinik Pengembangan Pertanian sempena Program Pemerksaan Sektor Pertanian Inc. Negeri Pulau Pinang di Kampung Labuh Banting pada 27 dan 28 September 2025;
- (e) Pameran Keladi Agas sempena Seminar Peningkatan Hasil dan Kualiti Padi Di Majlis Graduasi Program *Farmers Field School* (FFS) siri ke 15/2025 pada 16 Oktober 2025; dan;
- (f) Video Pengenalan Keladi Agas di '*Facebook Page*' Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

26. Selain daripada bentuk kewangan, apakah inisiatif-inisiatif lain yang ditawarkan bagi meningkatkan taraf kehidupan golongan miskin atau ibu tunggal yang kurang berpendidikan khususnya di dalam kawasan Telok Air Tawar?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Selain bantuan kewangan, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pelbagai inisiatif bukan kewangan bagi membantu golongan miskin dan ibu tunggal yang kurang berpendidikan, bukan sahaja di kawasan Telok Air Tawar, malah terbuka kepada peserta di seluruh negeri Pulau Pinang.

Antara inisiatif tersebut ialah :-

- (i) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) yang dilaksanakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah dengan pemberian bantuan peralatan perniagaan bernilai maksimum RM3,000.00 kepada peniaga kecil berpendapatan rendah bagi memperkukuh keupayaan perniagaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah.
- (ii) Program Pembangunan Modal Insan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri turut dilaksanakan dengan menawarkan latihan kemahiran seperti masakan, jahitan dan asas keusahawanan bagi membantu peserta termasuk ibu tunggal menjana pendapatan sendiri dan hidup berdikari.

- (iii) Kerajaan Negeri juga melalui *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) juga melaksanakan Program PenMentor yang memberi latihan keusahawanan, pembangunan kemahiran dan bimbingan kepada wanita berpendapatan rendah bagi meningkatkan keupayaan diri serta peluang ekonomi secara mampan. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, Kerajaan Negeri berhasrat memperkasa wanita dan komuniti rentan agar dapat keluar daripada kitaran kemiskinan selaras dengan sasaran Pulau Pinang ke arah sifar miskin menjelang tahun 2026.

- (iv) Zakat Pulau Pinang (ZPP) turut melancarkan program latihan kemahiran berasaskan perkhidmatan dan perubatan tradisional melalui Program Ummi Therapy, yang memfokuskan kepada penjagaan kesihatan serta urutan lepas bersalin dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). ZPP juga menyediakan latihan kemahiran dalam bidang *Food & Beverage* (F&B) yang merupakan antara sektor penting dalam industri hospitaliti dan perkhidmatan. Antara kursus yang ditawarkan termasuk pembuatan kuih tradisional, kek dan pastri, masakan barat serta barista.

Selain itu, ZPP juga menawarkan pelbagai kursus keusahawanan merangkumi Kursus Asas Keusahawanan, Kursus Pemasaran dan Promosi, Kursus Asas Akaun, Kursus Pengurusan Kewangan, Kursus Pemasaran Digital, Kursus Pensijilan Halal serta beberapa kursus lain yang bersesuaian dengan keperluan dan potensi peserta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

27. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan peranan masjid sebagai salah satu tempat menjana ekonomi dan pendidikan masyarakat terutama golongan belia?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited memperkasakan peranan masjid bukan sahaja sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai pusat ekonomi dan pendidikan masyarakat, khususnya golongan belia.

Melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP, masjid kini dihubungkan secara digital dengan agensi Islam negeri bagi memperkukuh tadbir urus dan menjana potensi ekonomi setempat.

Selain itu, sebanyak RM10.22 juta diperuntukkan bagi pembangunan dan penyelenggaraan masjid, manakala RM14.2 juta pula disalurkan untuk memperkasakan pendidikan Islam termasuk sekolah agama rakyat dan institusi tahfiz.

Di bawah Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030), masjid berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi, pendidikan dan anak muda. Melalui program seperti Seminar Pemerksaan Koperasi Masjid, kerajaan negeri mendorong penubuhan koperasi berasaskan masjid, memberi latihan pengurusan koperasi patuh syariah serta membuka ruang penglibatan belia dalam aktiviti keusahawanan.

Antara contoh koperasi masjid :

- (a) Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah yang menawarkan produk-produk sejuk beku, perkhidmatan penginapan (Attaqwa Inn), dan lain lagi ;
- (b) Koperasi Masjid Abdullah Fahim (KOMAF) yang antaranya mengendalikan majlis walimatulurus anak khariah; dan
- (c) Koperasi Masjid Ibadur Rahman yang menawarkan tapak perniagaan dan penjualan barangan asas pada harga yang berpatutan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(IV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

28. Berapakah jumlah penerima zakat yang dikategori sebagai miskin di Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2025 mengikut pecahan DUN?
- (a) Jelaskan bentuk zakat yang telah digunakan selain zakat asnaf.
 - (b) Apakah usaha yang akan dipertingkatkan bagi memperbaiki sistem yang sedia ada ke arah yang lebih cekap dan adil?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Sehingga september 2025, seramai 38,008 penerima zakat telah dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin di seluruh Negeri Pulau Pinang melibatkan jumlah agihan sebanyak RM45,000,752.00. Butiran lanjut berhubung Jumlah Penerima Zakat yang dikategorikan sebagai Miskin di Pulau Pinang sehingga tahun 2025 seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) diagihkan kepada lapan (8) asnaf iaitu Asnaf Fakir, Asnaf Miskin, Asnaf Amil, Asnaf Muallaf, Asnaf Ghorimin, Asnaf Ibnu Sabil, Asnaf Fisabilillah dan Asnaf Ar-Riqab dalam pelbagai bentuk Skim Agihan mengikut keperluan setiap asnaf bagi memenuhi Maqasid Syariah serta dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan diperakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

- (b) Bagi memastikan sistem agihan zakat lebih cekap dan adil, beberapa usaha akan dipertingkatkan:
- (i) Pendigitalan Sistem Agihan iaitu penggunaan sistem bersepadu berasaskan data masa nyata untuk pemantauan dan pengesanan penerima;
 - (ii) Pemetaan Asnaf Secara Mikro iaitu dengan mengadakan Analisis geolokas dan bancian lapangan untuk mengenal pasti kawasan tumpuan kemiskinan;
 - (iii) Pemantauan dan Audit Berkala iaitu penilaian berkala terhadap keberkesanan bantuan dan status ekonomi penerima;
 - (iv) Kerjasama Strategik iaitu kolaborasi dengan agensi kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti setempat untuk pengesahan dan pepadanan bantuan; dan
 - (v) Pemerksaan Asnaf iaitu fokus kepada program keluar daripada kemiskinan melalui latihan, bimbingan, dan bantuan modal.

LAMPIRAN A

PENERIMA ZAKAT KATEGORI FAKIR MISKIN MENGIKUT DUN BAGI TAHUN 2025
(JANUARI - SEPTEMBER)

KOD DUN	DUN	2025			
		FAKIR		MISKIN	
		BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM)	BIL. PENERIMA	JUMLAH (RM)
N01	PENAGA	753	1,152,607.09	1,710	1,528,215.44
N02	BERTAM	318	528,235.10	765	871,628.31
N03	PINANG TUNGGAL	526	824,407.69	1,387	1,399,444.49
N04	PERMATANG BERANGAN	682	1,015,471.90	1,658	1,727,556.94
N05	SUNGAI DUA	390	545,837.55	1,129	950,006.48
N06	TELOK AYER TAWAR	326	510,322.13	1,045	867,995.57
N07	SUNGAI PUYU	120	203,090.20	341	236,599.90
N08	BAGAN JERMAL	270	430,943.80	892	781,867.61
N09	BAGAN DALAM	155	216,594.90	433	330,927.70
N10	SEBERANG JAYA	565	892,671.07	1,815	5,424,605.50
N11	PERMATANG PASIR	498	758,299.00	1,622	1,543,490.14
N12	PENANTI	350	526,259.00	1,220	1,216,228.01
N13	BERAPIT	24	35,600.00	90	160,657.44
N14	MACHANG BUBOK	399	599,020.90	1,425	1,294,930.44
N15	PADANG LALANG	109	146,326.80	371	402,190.05
N16	PERAI	67	94,257.55	190	138,151.50
N17	BUKIT TENGAH	249	334,486.50	794	720,345.28
N18	BUKIT TAMBUN	124	174,499.50	369	299,150.15
N19	JAWI	218	325,646.10	633	536,341.95
N20	SUNGAI BAKAP	344	517,617.35	1,085	1,250,218.19
N21	SUNGAI ACHEH	342	505,169.05	811	853,709.94
N22	TANJONG BUNGA	198	292,542.65	452	449,240.25
N23	AIR PUTIH	122	218,949.85	387	306,777.50
N24	KEBUN BUNGA	2	4,700.00	19	9,746.00
N25	PULAU TIKUS	26	37,750.00	59	45,777.75
N26	PADANG KOTA	57	102,660.55	141	119,871.70
N27	PENKALAN KOTA	10	11,100.00	25	18,507.25
N28	KOMTAR	104	211,802.65	265	214,691.00
N29	DATOK KERAMAT	185	328,680.00	483	561,406.75

N30	SUNGAI PINANG	498	816,342.65	1,269	1,077,654.20
N31	BATU LANCANG	10	27,150.00	42	23,438.60
N32	SERI DELIMA	136	212,158.20	309	291,198.30
N33	AIR ITAM	166	278,510.70	442	395,534.70
N34	PAYA TERUBONG	24	31,850.00	43	42,084.90
N35	BATU UBAN	182	323,911.50	397	412,421.75
N37	BATU MAUNG	191	323,683.85	656	534,250.47
N36	PANTAI JEREJAK	90	160,681.45	366	288,672.55
N38	BAYAN LEPAS	352	542,282.30	1,224	1,086,358.08
N39	PULAU BETONG	254	384,874.75	996	644,735.57
N40	TELOK BAHANG	389	579,891.60	823	717,237.80
JUMLAH KESELURUHAN		9,825	15,226,885.88	28,183	29,773,866.15